



Dari Tanjung Aru ke stesen terakhir

Ketika bertugas di UKM Kampus Sabah (UKMS) dari 1986 hingga 1992, salah satu hasrat penulis menaiki kereta api Sabah dari Tanjung Aru, Kota Kinabalu ke Tenom. Namun hasrat itu tidak kesampaian. Justeru, sempena majlis pertemuan semula alumni UKMS baru-baru ini, penulis bertekad memastikan hasrat 24 tahun lalu dipenuhi. Maka pada 15 Mac lalu, penulis dan Matusup Rasid, pegawai Universiti Malaysia Sabah yang juga bekas staf UKMS dulu melakukan perjalanan dari Stesen Tanjung Aru ke Tenom.

Penulis secara peribadi agak hampa, kerana kereta api yang dibayangkan 25 tahun lalu tidak kelihatan dan tidak digunakan lagi. Sebaliknya menggunakan koc baru. Penulis harus memujuk diri sendiri dengan menyetujui bahawa yang terpenting melakukan perjalanan dari Tanjung Aru ke stesen terakhir menggunakan kereta api. Penulis harus berterima kasih kepada pengasanya jurutera British Arthur J West dan pembantunya Gaunon daripada suku kaum Murut berasal dari Keningau yang memungkinkan wujudnya perkhidmatan kereta api di Borneo pada 1896. Pastilah pembinaan perkhidmatan kereta api itu bermotifkan ekonomi, salah satu objektif penjajahan, mengaut keuntungan daripada tanah jajahannya.

Perkara pertama yang menarik perhatian mengenai kereta api Sabah ketepatan waktunya. Seperti dipaparkan pada jadual perjalanan, tepat 7.45 pagi kereta api bergerak meninggalkan Tanjung Aru. Di sepanjang perjalanan penulis dapat melihat kesan pembangunan fizikal pesat. Pekan kecil 20 tahun lalu kini berkembang. Putatan, Kinarut, Papar dan Beaufort semakin sibuk.

Selain keindahan pemandangan Laut Cina Selatan di sebelah kanan, sawah padi, ladang getah serta dusun di sebelah kiri, sangat ketara semakin berkurangnya sawah padi yang diusahakan. Pertumbuhan taman perniagaan dan perumahan pula yang jelas kelihatan. Barangkali inilah petunjuk kepada pembangunan.

Apabila sampai di Kawang, penulis mengingatkan Matusup bahawa kampus UKM yang pertama di Sabah terletak di Kebun Kawang pada 1973. Nama itu ditukar oleh Tun Datu Mustapha yang pada waktu itu Ketua Menteri Sabah kepada Limauan. Ini disebabkan rindunya beliau ter-

mau-limauan di Kudat.

Penulis dan Matusup turut mengimbau kenangan sewaktu sama-sama bertugas di UKMS. Daripada memperkatakan keakraban sesama warga, pembabitan dengan komuniti, sehinggalah UKMS dipindahkan ke Menggatal dari kampus sebelumnya di Bukit Padang.

Pada waktu itu, tidak timbul langsung rasa segan untuk menyebutkan UKMS terletak di Menggatal kerana kami tahu epistemologinya. Sebaliknya selepas itu, apabila diambil alih sebuah institusi selepas UKMS ditutup pada 1996, Menggatal seolah-olah dilenyapkan, sebaliknya menonjolkan Jalan Tuaran. Penulis berpendapat, Menggatal sewajarnya terus digunakan kerana ia sejarah lokal berasal daripada buah mangga yang menimbulkan kegatalan apabila dimakan. Memanglah konotasinya berbeza daripada perspektif orang Semenanjung, namun kita harus mendidik rakyat Malaysia supaya menghormati kepelbagaian budaya, nilai dan jati diri komuniti asal, bukan memadamkan sejarah kebanggaan komuniti berkenaan yang mungkin berusia ratusan tahun.

Tepat 9.45 pagi, kereta api tiba di Beaufort dan dimaklumkan perjalanan seterusnya pada jam 1 tengah hari. Perkara yang tidak dapat dilupakan di Beaufort adalah merasai kelazatan sate daging kerbau buat pertama kalinya. Ternyata, penulis sangat menggemarinya.

Tepat jam 1 tengah hari, kereta api bergerak ke Halogilat. Penulis berasa gembira kerana gerabak yang digunakan seperti yang dilihat lebih 20 tahun lalu. Walaupun tidak dilengkapi hawa dingin, pemandangan indah Sungai Padas yang pesisirnya menjadi laluan kereta api, bukit bukau menghijau dan penduduk kampung yang melambai-lambai menjadikan penulis begitu teruja.

Di Halogilat, penumpang yang ingin ke Tenom, harus menukar gerabak. Kali ini, kami harus tabah kerana gerabak yang akan membawa kami gerabak kargo dan orang tempatan memanggilnya 'gerabak oven'. Ternyata, keadaan dalam gerabak begitu panas disebabkan penumpang yang ramai dan cuaca panas terik.

Kami sampai di stesen terakhir pada jam 3.45 petang.

Penulis Timbalan Pengarah